

NOTA TEKNIKAL

A. KONSEP

Konsep yang digunakan dalam laporan ini adalah selaras dengan garis panduan *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)*, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

1. Pelaburan Langsung Asing (FDI)

FDI merujuk kepada pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham (termasuk perolehan dilabur semula) dan instrumen hutang (pinjaman antara syarikat, kredit perdagangan, kemudahan kredit dll.) daripada pelabur langsung asing dalam enterpris pelaburan langsung di Malaysia.

2. Pelabur Langsung (DI)

Pelabur Langsung (DI) merupakan entiti asing (individu atau syarikat) yang boleh mengawal (DI memiliki lebih daripada 50 peratus kuasa pengundian) atau mempunyai kuasa untuk mempengaruhi (DI memiliki antara 10 hingga 50 peratus kuasa pengundian) dalam syarikat di Malaysia.


3. Enterpris Pelaburan Langsung (DIE)

Enterpris Pelaburan Langsung (DIE) merupakan sama ada subsidiari (pemilikan melebihi 50 peratus), syarikat bersekutu (pemilikan 10 hingga 50 peratus) atau cawangan (pemilikan 100 peratus) bagi syarikat induk asing/ ibu pejabat. Dalam kes FDI, DIE merujuk kepada syarikat yang beroperasi di Malaysia. Pemilikan ekuiti boleh dimiliki sama ada secara langsung atau tidak langsung dan berada di dalam Kerangka Hubungan Pelaburan Langsung (FDIR).

4. Kerangka Hubungan Pelaburan Langsung (FDIR)

FDIR secara umumnya merupakan metodologi bagi mengenalpasti dan menentukan had dan jenis hubungan pelaburan langsung di antara DI dan DIE. FDIR menyediakan kriteria bagi menentukan pemilikan merentas-sempadan dalam hubungan pelaburan langsung berdasarkan kawalan dan pengaruh.

Gambar rajah berikut menunjukkan contoh menentukan hubungan pelaburan langsung di bawah FDI.



Setiap syarikat adalah residen dalam ekonomi Malaysia. Semua syarikat dalam petak adalah Enterpris Pelaburan Langsung (DIE) bagi Pelabur Langsung (DI) A.

Sementara itu, tiada hubungan DI-DIE wujud dalam kes di mana entiti adalah syarikat bersekutu kepada syarikat bersekutu DI. Kebolehan pelabur untuk mempengaruhi menjadi terlalu lemah.

Di bawah konsep FDIR, DIE adalah subsidiari atau syarikat bersekutu:

- a) Subsidiari ialah DIE di bawah kawalan DI,
- b) Syarikat bersekutu ialah DIE di mana DI mempunyai kuasa yang signifikan untuk mempengaruhi, tetapi tidak boleh mengawal DIE.

Kawal atau pengaruh boleh dicapai secara langsung dengan memiliki ekuiti yang memberi kuasa pengundian dalam enterpris, atau secara tidak langsung dengan memiliki kuasa pengundian melalui enterpris lain. Dua cara bagaimana kawalan atau pengaruh boleh dikenalpasti:

- a) Hubungan **pelaburan langsung immediate** wujud apabila DI secara langsung memiliki ekuiti yang melayakkannya kepada 10 peratus atau lebih kuasa pengundian dalam DIE
 - **Kawal** wujud jika DI memiliki lebih 50 peratus kuasa pengundian dalam DIE
 - **Pengaruh** wujud jika DI memiliki 10 hingga 50 peratus kuasa pengundian dalam DIE
- b) Hubungan **pelaburan langsung tidak langsung** wujud melalui pemilikan kuasa pengundian dalam satu DIE yang memiliki kuasa pengundian dalam enterpris lain.

B. SKOP DAN LIPUTAN

Skop statistik FDI merujuk kepada enterpris asing di Malaysia. Ia merangkumi tiga akaun utama iaitu aliran, kedudukan dan pendapatan pelaburan langsung. Penerbitan ini juga memaparkan statistik aliran dan kedudukan pelaburan portfolio.

1. Aliran FDI

Aliran FDI merujuk kepada perolehan dan pelupusan aset kewangan dan liabiliti dalam tempoh rujukan. Ia terdiri daripada transaksi dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang. Nilai negatif (-) merujuk kepada aliran keluar atau pengurangan pelaburan.

2. Kedudukan FDI

Kedudukan FDI merujuk kepada jumlah stok pelaburan langsung asing di Malaysia pada akhir tempoh rujukan. Kedudukan akhir diperoleh daripada stok awal ditambah aliran kewangan dan ditambah perubahan lain (perubahan harga, kadar tukaran asing dan lain-lain).

3. Pendapatan pelaburan FDI

Pendapatan Pelaburan FDI merujuk kepada penghantaran pulang pendapatan kepada pelabur langsung asing oleh DIE di Malaysia. Pendapatan terdiri daripada perolehan yang diagih (dividen dan faedah) dan perolehan tidak diagih (perolehan dilabur semula).

4. Pelaburan Portfolio

Pelaburan portfolio melibatkan urusan antarabangsa dalam sekuriti ekuiti (cth. saham) dan sekuriti hutang (cth. bon dan nota, sukuk dan instrumen pasaran wang), selain daripadanya termasuk dalam pelaburan langsung dan aset rizab.

C. DEFINISI

Definisi yang digunakan dalam laporan ini adalah selaras dengan garis panduan pada BPM6.

1. Residen

Residen ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Enterpris yang diperbadankan di Labuan juga dianggap sebagai residen. Cawangan dan / atau anak syarikat asing yang beroperasi di Malaysia adalah dianggap sebagai residen.

2. Bukan residen

Bukan residen ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan / atau anak syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri adalah dianggap sebagai bukan residen.

3. Instrumen kewangan

Jenis-jenis instrumen kewangan yang diliputi di bawah FDI termasuk ekuiti & dana pelaburan saham (termasuk perolehan dilabur semula) dan instrumen hutang (iaitu: sekuriti hutang, pinjaman antara syarikat, kredit perdagangan, mata wang & deposit dan lain-lain).

3.1 Ekuiti & dana pelaburan saham

Ekuiti & dana pelaburan saham adalah terdiri ekuiti dan perolehan dilabur semula. Ekuiti merujuk kepada semua jenis saham terbitan (seperti saham biasa, saham premium dan saham keutamaan yang mempunyai hak mengundi) yang dipegang oleh bukan residen dalam anak syarikat atau syarikat bersekutu di Malaysia. Bagi cawangan, nilai ekuiti & dana pelaburan saham dikira berdasarkan aset bersih cawangan. Sementara itu, perolehan dilabur semula merujuk kepada peratus pembahagian pendapatan pelabur langsung yang tidak diagih sebagai dividen oleh subsidiari, syarikat bersekutu atau cawangan, sebaliknya dilabur semula ke dalam DIE.

3.2 Instrumen hutang

Instrumen hutang terdiri daripada pelbagai instrumen seperti:

3.2.1 Sekuriti Hutang

3.2.1.1 Sekuriti hutang jangka panjang

Sekuriti hutang (iaitu: bon, debentur, nota kewangan, sijil deposit) yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

3.2.1.2 Sekuriti hutang jangka pendek

Sekuriti hutang (iaitu: nota janji, bil pertukaran, kertas komersial atau kewangan dan sijil deposit) yang mempunyai tempoh matang kurang daripada atau sama dengan satu tahun.

3.2.2 Kredit Perdagangan

Kredit perdagangan terdiri daripada tuntutan dan liabiliti, terbit daripada kemudahan kredit yang diberikan oleh pengeksport kepada pengimport bagi transaksi barangan dan perkhidmatan. Kemudahan kredit ini biasanya dalam tempoh jangka pendek.

3.2.3 Pinjaman

Pinjaman adalah aset kewangan yang wujud apabila pemiutang memberi dana pinjaman secara terus kepada penghutang menerusi instrumen, tidak bertujuan untuk diniagakan. Ini termasuk semua pinjaman dan pendahuluan (kecuali akaun belum terima dan belum bayar). Ia juga meliputi pajakan kewangan dan perjanjian pembelian semula. Pinjaman terbahagi kepada dua kategori; jangka panjang dan jangka pendek yang dibezakan mengikut tempoh matang iaitu setahun.

3.2.4 Mata wang dan deposit

Mata wang terdiri daripada mata wang kertas dan syiling dalam pengedaran yang kebiasaannya digunakan sebagai pembayaran. Deposit merujuk kepada semua jenis deposit termasuk akaun simpanan, deposit tetap, deposit boleh pindah dan tidak boleh pindah, sama ada dalam bentuk mata wang tempatan atau asing.

3.2.5 Lain-lain

Meliputi semua aset kewangan/ liabiliti seperti tunggakan iaitu amaun yang tidak dibayar yang telah melebihi tempoh, termasuk bayaran hutang berjadual kepada pemiutang bukan residen.

4. Pendapatan pelaburan FDI	Pendapatan pelaburan FDI merujuk kepada pulangan atas pelaburan langsung iaitu daripada pelaburan ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang, merangkumi komponen berikut:
4.1 Pendapatan ekuiti & dana pelaburan saham	Pendapatan ekuiti & dana pelaburan saham adalah terdiri daripada dividen dan perolehan dilabur semula. Dividen merujuk kepada keuntungan yang diagihkan kepada DI berdasarkan pegangan ekuiti & dana pelaburan saham dalam DIE, manakala perolehan dilabur semula merujuk kepada peratus pembahagian pendapatan pelabur langsung yang tidak diagih sebagai dividen oleh subsidiari, syarikat bersekutu atau cawangan, sebaliknya dilabur semula ke dalam DIE.
4.2 Faedah	Faedah merujuk kepada pendapatan yang boleh dibayar / diterima oleh DIE kepada / daripada DI, berikutan pemberian pelbagai instrumen kewangan iaitu sekuriti hutang, pinjaman dan lain-lain.
5. Klasifikasi sektor	Pengkelasan sektor ekonomi adalah berdasarkan aktiviti utama DIE. Sektor-sektor tersebut dikelaskan mengikut Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. Bagi tujuan laporan ini, ia dikategorikan kepada lima sektor utama seperti berikut: i. Pertanian ii. Perlombongan dan pengkuarian iii. Pembuatan a. Makanan, minuman dan tembakau b. Tekstil, pakaian, kulit dan kasut c. Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan d. Petroleum, kimia, getah dan plastik e. Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka f. Produk elektrik dan elektronik g. Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain iv. Pembinaan v. Perkhidmatan a. Utiliti - Bekalan elektrik, gas, bekalan air, pembentungan dan pengurusan sisa b. Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal c. Pengangkutan dan penyimpanan d. Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman e. Maklumat dan komunikasi f. Aktiviti kewangan dan insurans / takaful g. Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial h. Perkhidmatan lain Sektor-sektor lain dalam jadual matriks negara dan sektor merujuk kepada sektor Pertanian dan Pembinaan.
6. Negara pelabur langsung	Negara pelabur langsung yang dilapor adalah berasaskan negara pelabur <i>'immediate'</i> (pelaburan yang melibatkan ekuiti & dana pelaburan saham). Bagi pelaburan yang tiada ekuiti & dana pelaburan saham tetapi mempunyai transaksi dalam bentuk instrumen hutang, negara pelabur langsung dikenalpasti mengikut konsep FDIR (rujuk perkara A(4)).

D. SUMBER DATA

Sumber data bagi penerbitan ini adalah daripada Penyiasatan Usahasama IIP yang dijalankan secara suku tahunan antara BNM dan DOSM bermula suku pertama 2008. Penyiasatan ini dilaksanakan berasaskan pendekatan enterpris. Penyiasatan IIP merekod transaksi aliran kewangan dan kedudukan pelaburan bagi aset kewangan dan liabiliti asing di Malaysia dengan negara lain, termasuk DIA, FDI, pelaburan portfolio, pelaburan lain dan pendapatan pelaburan.

E. MASA PEREKODAN

Kaedah merekod transaksi BOP dan IIP, secara prinsipnya ialah pada masa berlaku pertukaran hak milik (sebenar atau anggaran). Di bawah sistem catatan beregu, kedua-dua transaksi harus direkod pada masa yang sama. Ini selaras dengan prinsip perakaunan terakru, yang memerlukan transaksi direkod apabila nilai ekonomi diwujudkan, diubah, ditukar, dipindah atau dilupus.

F. PENILAIAN

Secara konsep, penilaian bagi transaksi FDI adalah berdasarkan pada harga pasaran bagi aliran, kedudukan dan pendapatan pelaburan. Harga pasaran didefinisikan sebagai amaun wang yang dipersetujui antara pembeli dan penjual bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Pertukaran yang berlaku di antara dua pihak bebas ini berasaskan pertimbangan komersial.

Dalam aspek aset kewangan dan liabiliti FDI, harga pasaran kebiasaannya ditentukan mengikut nilai pasaran, nilai saksama atau nilai nominal. Walau bagaimanapun dalam instrumen kewangan tertentu, nilai buku, nilai muka, nilai pelunasan atau kos sejarah daripada lembaran imbalan DIE kebiasaannya digunakan untuk menentukan nilai pelaburan langsung.

Dalam menyusun perangkaan kedudukan pelaburan FDI, penilaian yang berkait dengan faktor bukan transaksi juga diambil kira iaitu perubahan pada harga (cth: untung atau rugi disebabkan oleh perubahan pasaran), perubahan kadar tukaran asing dan perubahan lain (cth: pelupusan, pengkelasan semula, dll).

G. PINDAAN

Pindaan kepada anggaran dilaksanakan bersama-sama dengan anggaran terkini dalam laporan BOP suku tahunan dan IIP tahunan. Pindaan yang dibuat biasanya disebabkan oleh pelaporan terkini atau yang disemak oleh pembekal data.

H. PEMBUNDARAN

Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

I. SINGKATAN

b	bilion
BNM	Bank Negara Malaysia
BOP	Imbalan Pembayaran
BPM6	<i>Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition</i>
cth.	contoh
dll.	dan lain-lain
DI	Pelabur Langsung
DIA	Pelaburan Langsung Di Luar Negeri
DIE	Enterpris Pelaburan Langsung
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FDI	Pelaburan Langsung Asing
FDIR	Hubungan Pelaburan Langsung Asing
IIP	Kedudukan Pelaburan Antarabangsa
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
MSIC	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
NR	Bukan residen
RM	Ringgit Malaysia
r	disemak
-	tiada
0	< RM500 ribu